

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-38****LAPORAN PERLUASAN SKOP
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC
27001:2013 TAHUN 2018****1. TUJUAN**

Kertas ini adalah untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-38 Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan aktiviti perluasan skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2018 yang melibatkan skop Penilaian Pengajaran di bawah peneraju Pusat Pembangunan Akademik (CADe).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) UPM Tahun 2015 telah mencadangkan supaya skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) diperluaskan mengambilkira skop berkaitan *Massive Open Online Course* (MOOC) dan pre-commercialization (precom).

Perbincangan dengan pihak Pusat Pembangunan Akademik (CADe) telah diadakan pada 5 Februari 2016 dan 10 Mac 2016 bagi membincangkan mengenai perluasan skop ISMS berkaitan (MOOC). Hasil perbincangan dipersetujui untuk tidak memasukkan MOOC dalam skop sebaliknya digantikan dengan Penilaian Pengajaran Online (PPO). Perbincangan dengan pihak *Putra Science Park* (PSP) telah diadakan pada 8 Jun 2016 berkaitan skop precom dan dipersetujui untuk dilaksanakan ISMS menjurus kepada proses dalam aplikasi UPM IP (fasa pertama perlaksanaan bagi skop precom).

Bermula dari penghujung tahun 2016, pelbagai aktiviti ISMS telah dirancang dan dilaksanakan yang turut mengambilkira aktiviti ISMS bagi perluasan skop Penilaian Pengajaran dan Pengurusan Harta Intelek serta perluasan entiti bagi skop Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa ke UPM Kampus Bintulu (UPMKB). Antara aktiviti telah dilaksanakan adalah seperti taklimat kesedaran, semakan dokumentasi, kursus audit dalaman dan bengkel

penyediaan/penilaian risiko ISMS sebagaimana keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013. Hasilnya, melalui Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS oleh pihak SIRIM pada 6 September 2017, pihak Juruaudit SIRIM telah mengesyorkan supaya skop ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah diperluaskan ke UPMKB.

Bagaimanapun, bagi aktiviti perluasan skop baharu ISMS yang dicadangkan, hanya satu skop yang akan dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu skop Penilaian Pengajaran manakala skop Pengurusan Harta Intelek terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu atas faktor permasalahan teknikal berkaitan Sistem UPMIP. Perkara ini telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali ke 624 pada 1 November 2017.

3. PERANCANGAN AKTIVITI ISMS TAHUN 2018

Perluasan skop bagi Penilaian Pengajaran dicadang untuk mula dikuatkuasakan pada Mac 2018. Perincian mengenai aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2018 mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran adalah seperti di Lampiran 1.

4. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan seperitimana berikut:

- i) mengambil maklum laporan perluasan skop ISMS bagi penilaian pengajaran pada tahun 2018; dan
- ii) mengambil perhatian berkaitan tarikh-tarikh pelaksanaan aktiviti ISMS pada tahun 2018 seperitimana yang dinyatakan dalam Carta Perbatuan ISMS Tahun 2018.

CARTA PERBATUAN AKTIVITI KE ARAH AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018

Nota: * Salah satu daripada tarikh sahaja
 ** Tertakluk kepada perubahan.